



E-NEWSLETTER

PENDIDIKAN UNGGUL : MENGUPAYA INSAN, MEREALISASI WAWASAN



Program Beli Generasi Selangor Perkasa Masa Depan Belia Melalui Latihan Industri

Inisiatif ini dilihat sebagai satu pelaburan jangka panjang dalam melahirkan generasi muda yang berkemahiran, berdaya tahan dan bersedia memenuhi keperluan industri, sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri dan negara secara mampan.



PENYAMPAIAN BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN (BAP) NEGERI SELANGOR 2026

BAP merupakan bantuan tunai sebanyak RM150 bagi setiap murid yang diberikan secara menyeluruh tanpa mengira pendapatan isi rumah. Bagi Negeri Selangor, sejumlah RM141,596,250 telah diperuntukkan, memberi manfaat kepada seramai 943,975 murid melibatkan 944 buah sekolah.



Yayasan Selangor



Yayasanselangorofficial



YS TikTok



yselangorportal

E-NEWSLETTER



AGENDA

LAMAN 5

YAYASAN SELANGOR SERTAI SESI PENYERAHAN DOKUMEN KOLABORASI PROGRAM ASPIRASI MADANI

Yayasan Selangor telah menghadiri Sesi Penyerahan Dokumen Kolaborasi bersama Kolej Komuniti Sabak Bernam dan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti sempena Program Aspirasi MADANI: Transisi Kerjaya dan Prihatin Komuniti.

LAMAN 12

PENYAMPAIAN BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN (BAP) NEGERI SELANGOR 2026

Majlis penyampaian Bantuan Awal Persekolahan (BAP) Tahun 2026 bagi Negeri Selangor telah disempurnakan di SMK Meru, merupakan bantuan tunai sebanyak RM150 bagi setiap murid yang diberikan secara menyeluruh tanpa mengira pendapatan isi rumah.

LAMAN 8

PROGRAM PENDAFTARAN DAN ORIENTASI TINGKATAN 1 TAHUN 2026

Yayasan Selangor telah menganjurkan Program Pendaftaran dan Orientasi Tingkatan 1 Tahun 2026 yang melibatkan seramai 60 orang pelajar baharu. Program ini dilaksanakan bagi memastikan proses kemasukan pelajar ke alam persekolahan berasrama berjalan dengan lancar, tersusun dan sistematik.

LAMAN 16

YAYASAN SELANGOR DILANTIK SEBAGAI ORGANISASI ANGKAT STRATEGIK PASUKAN BOCCIA PARA SUKMA 2026

Yayasan Selangor secara rasmi telah dilantik sebagai organisasi angkat strategik bagi Pasukan Boccia dalam persiapan menghadapi Temasya Para Sukan Malaysia XXII Selangor 2026.

PROGRAM MOTIVASI LEDAKAN PRESTASI SMK PERIMBUN



Yayasan Selangor dengan kerjasama Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung Cawangan Pandan telah menganjurkan Program Motivasi Ledakan Prestasi di SMK Perimbun sebagai persediaan pelajar Tingkatan Lima dan Tingkatan Enam menghadapi peperiksaan SPM dan STPM 2026. Program ini bertujuan menyuntik semangat, meningkatkan keyakinan diri serta membentuk budaya kecemerlangan akademik dalam kalangan pelajar.

Antara pengisian utama program ialah sesi motivasi bertajuk "Dari Biasa ke Luar Biasa: Fight Sampai BERJAYA!" yang disampaikan oleh Tassim Zainal, Pengarah Pendidikan Yayasan Selangor. Sesi tersebut memberi penekanan kepada aspek disiplin, kekuatan mental, penetapan sasaran akademik serta kepentingan usaha berterusan dalam mencapai kejayaan.



Selain itu, program ini turut melibatkan pelaksanaan Ikrar Aku Janji, penetapan sasaran bersama guru serta penglibatan aktif ibu bapa dalam menyokong kecemerlangan akademik pelajar.

Inisiatif ini selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri Selangor untuk terus memperkasa sektor pendidikan melalui pembangunan modal insan yang berilmu, berdaya saing dan berpotensi tinggi.





PROGRAM KHIDMAT KOMUNITI MAHASISWA DAN BELIA SELANGOR PERKUKUH BUDAYA KESUKARELAWANAN

Semangat kesukarelawanan dan kebersamaan dalam kalangan belia terus diperkukuh menerusi penganjuran Program Khidmat Komuniti Mahasiswa Selangor dan Belia Selangor yang berlangsung di Masjid Nurul Hidayah dengan penglibatan seramai 50 sukarelawan mahasiswa dan belia bersama lebih 150 komuniti setempat.

Program anjuran Yayasan Selangor melalui STANDCO Pendidikan Negeri dengan sokongan Pejabat YAB Dato' Menteri Besar Selangor itu memberi tumpuan kepada aktiviti gotong-royong dan pembersihan kawasan masjid sebagai usaha memupuk budaya kesukarelawanan, tanggungjawab sosial serta semangat kebersamaan dalam kalangan generasi muda.

Inisiatif tersebut turut dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai rakan strategik termasuk Persatuan Mahasiswa Selangor, badan bukan kerajaan (NGO) Selangor serta Synera Dynamics Sdn Bhd dalam memperluaskan penglibatan masyarakat terhadap aktiviti kemasyarakatan dan pembangunan komuniti.

Penganjuran program ini selaras dengan aspirasi Kerajaan Negeri Selangor untuk meningkatkan penglibatan aktif mahasiswa dan belia di peringkat akar umbi, sekali gus menyumbang kepada kesejahteraan komuniti serta memperkukuh hubungan antara institusi, agensi dan masyarakat setempat melalui semangat kesukarelawanan dan perpaduan sosial.





YAYASAN SELANGOR SERTAI SESI PENYERAHAN DOKUMEN KOLABORASI PROGRAM ASPIRASI MADANI

Yayasan Selangor terus memperkukuh jaringan kerjasama strategik dalam bidang pendidikan dan pembangunan komuniti menerusi penyertaan dalam Sesi Penyerahan Dokumen Kolaborasi bersama Kolej Komuniti Sabak Bernam dan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti sempena Program Aspirasi MADANI: Transisi Kerjaya dan Prihatin Komuniti.



Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Anesee Ibrahim, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.

Dalam sesi ini, Yayasan Selangor yang diwakili oleh Muhamad Tassim Zainal, Pengarah Pendidikan Yayasan Selangor, menzahirkan komitmen untuk terus memperkukuh kerjasama strategik dalam menyokong pembangunan pendidikan, kebajikan serta kesejahteraan komuniti.

Kolaborasi ini diharapkan dapat membuka lebih banyak peluang pelaksanaan program berimpak tinggi yang memberi manfaat kepada pelajar, ibu bapa dan masyarakat di Negeri Selangor, selaras dengan aspirasi pembangunan pendidikan yang inklusif dan mampan.





KUNJUNGAN HORMAT MPP UiTM SELANGOR KE YAYASAN SELANGOR

Yayasan Selangor telah menerima kunjungan hormat daripada Majlis Perwakilan Pelajar UiTM Cawangan Selangor bagi membincangkan potensi kerjasama strategik dalam pelaksanaan program pembangunan mahasiswa dan pendidikan berimpak tinggi.

Pertemuan tersebut memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh pembangunan pendidikan, kepimpinan serta kesejahteraan mahasiswa, khususnya dalam kalangan anak Selangor, melalui pelaksanaan program yang mampu meningkatkan potensi, kemahiran dan daya saing generasi muda.

Dalam sesi perbincangan itu, peranan Yayasan Selangor sebagai peneraju pendidikan negeri turut diketengahkan, khususnya dalam memperkasa mahasiswa menerusi penyediaan peluang pendidikan berkualiti, pembangunan bakat serta jaringan kerjasama strategik yang mampan dan menyeluruh.

Kerjasama ini diharapkan dapat menjadi pemangkin kepada pembangunan generasi muda yang holistik, berdaya saing dan bersedia menghadapi cabaran masa hadapan, selaras dengan aspirasi pembangunan modal insan Negeri Selangor yang progresif dan inklusif..





KUNJUNGAN HORMAT YAYASAN SELANGOR KE UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)

Yayasan Selangor mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar, Universiti Teknologi Malaysia bagi membincangkan pelbagai inisiatif berkaitan pembangunan pendidikan tinggi, kebajikan mahasiswa serta pengukuhan kerjasama strategik antara kedua-dua pihak.



Kunjungan tersebut bertujuan memperluaskan jaringan kolaborasi dalam menyokong pembangunan mahasiswa, khususnya anak Selangor yang melanjutkan pengajian di universiti berkenaan. Selain menjadi medium memperkukuh hubungan institusi, sesi tersebut turut membuka ruang perbincangan mengenai pelaksanaan program pembangunan mahasiswa yang lebih menyeluruh dan berimpak tinggi.

Delegasi Yayasan Selangor diketuai oleh Muhamad Tassim Zainal bersama Azri Hohad serta wakil Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Teknologi Malaysia. Pertemuan tersebut turut menjadi platform komunikasi dua hala dalam menyampaikan aspirasi pembangunan belia Negeri Selangor serta usaha memperkukuh sokongan terhadap kesejahteraan mahasiswa.

Inisiatif ini diharapkan dapat memperkasakan pembangunan mahasiswa secara holistik merangkumi aspek pendidikan, kepimpinan dan kebajikan, di samping memastikan kesejahteraan pelajar terus menjadi antara keutamaan dalam agenda pembangunan modal insan Negeri Selangor.



60 PELAJAR BAHARU SERTAI PROGRAM PENDAFTARAN DAN ORIENTASI



Seramai 60 pelajar baharu Tingkatan 1 menyertai Program Pendaftaran dan Orientasi Tahun 2026 anjuran Yayasan Selangor sebagai persediaan awal sebelum memulakan kehidupan di sekolah berasrama. Program tersebut diadakan bagi membantu pelajar menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu serta membina keyakinan diri sebelum sesi persekolahan bermula secara rasmi.

Program orientasi itu bertujuan memberi pendedahan awal kepada pelajar mengenai kehidupan berasrama termasuk aspek disiplin, pengurusan diri serta penyesuaian terhadap persekitaran dan budaya sekolah baharu. Pendekatan ini penting dalam membantu pelajar membina keyakinan diri serta kesediaan mental dan emosi sebelum memulakan pembelajaran secara rasmi.

Selain sesi taklimat dan pengenalan kepada peraturan asrama, pelajar turut didedahkan dengan aktiviti interaksi bersama rakan sebaya, guru dan pihak warden bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih selesa dan positif. Program ini juga membantu memastikan urusan pendaftaran pelajar dilaksanakan dengan lebih efisien dan tersusun.

Penganjuran program ini mencerminkan komitmen berterusan Yayasan Selangor dalam menyediakan persekitaran pendidikan yang kondusif dan menyeluruh, selaras dengan usaha melahirkan pelajar yang lebih berdisiplin, berdikari serta mampu menyesuaikan diri dengan cabaran pembelajaran di peringkat menengah.





PERKASA PELAJAR MELALUI KURSUS KEPIMPINAN 2026

Seramai 48 pelajar menyertai Kursus Kepimpinan Pelajar Tahun 2026 anjuran Yayasan Selangor yang berlangsung selama dua hari sebagai platform membentuk generasi pelajar yang lebih berkeyakinan, berdisiplin dan mempunyai ciri kepimpinan berkualiti. Program tersebut dianjurkan bagi memperkukuh pembangunan sahsiah serta potensi kepimpinan dalam kalangan pelajar melalui pendekatan latihan yang interaktif dan menyeluruh.

Kursus ini turut memberi penekanan kepada aspek komunikasi, disiplin, kerja berpasukan serta pengurusan tanggungjawab dalam membentuk pelajar yang lebih berwibawa dan berketerampilan. Melalui pelbagai aktiviti dan sesi latihan yang dijalankan, peserta didedahkan kepada peranan sebenar seorang pemimpin serta kepentingan membuat keputusan secara matang dan sistematik.

Selain membina keyakinan diri, program ini juga membantu pelajar memahami nilai tanggungjawab dan integriti dalam melaksanakan amanah yang diberikan. Pendekatan holistik yang diterapkan sepanjang kursus dilihat mampu membentuk karakter pemimpin muda yang lebih bersedia menghadapi cabaran dalam bidang akademik mahupun kehidupan seharian.





PERKUKUH NILAI KEROHANIAN MELALUI PROGRAM RAMADAN 2026

Seramai 250 peserta terdiri daripada pelajar dan warga AYSSB menyertai Majlis Khatam Al-Quran dan Jalinan Kasih Ramadhan Tahun 2026 anjuran Yayasan Selangor sebagai usaha menyemarakkan penghayatan Ramadan serta memperkukuh nilai ukhuwah dan kebersamaan dalam kalangan warga pendidikan.



Majlis tersebut diadakan bersempena bulan Ramadan dengan pengisian berteraskan kerohanian dan pembangunan sahsiah, termasuk sesi khatam al-Quran yang melibatkan pelajar dan warga yayasan. Program itu turut menjadi platform untuk memupuk semangat kasih sayang, hormat-menghormati serta mengeratkan hubungan silaturahim antara peserta yang hadir.

Selain menyemai nilai keagamaan, program berkenaan turut memberi penekanan kepada pembentukan sahsiah dan jati diri pelajar melalui pendekatan yang menyeimbangkan kecemerlangan akademik dan penghayatan nilai murni. Suasana majlis yang penuh harmoni dan kebersamaan mencerminkan komitmen dalam membentuk persekitaran pendidikan yang lebih positif dan sejahtera.

Penganjuran program ini mencerminkan komitmen berterusan Yayasan Selangor dalam memperkukuh pembangunan modal insan secara holistik melalui penerapan nilai spiritual, pendidikan dan kemasyarakatan selaras dengan aspirasi melahirkan generasi muda yang berilmu, berakhlak dan berdaya saing.

Program Belia Generasi Selangor Perkasa Masa Depan Belia Melalui Latihan Industri

Usaha memperkasa masa depan belia melalui pendidikan kemahiran dan peluang pekerjaan terus diperkukuh menerusi pelancaran Program Belia Generasi Selangor yang berlangsung di Universiti Islam Selangor hasil kerjasama strategik antara Yayasan Selangor, DHS Hospitality Academy dan Akademi Vokasional McDonald's Malaysia.

Program latihan hospitaliti tajaan penuh itu dilihat sebagai satu langkah progresif dalam membantu belia khususnya graduan menganggur dan golongan B40 memperoleh akses kepada latihan berasaskan industri serta peluang kerjaya yang lebih terjamin.

Inisiatif berkenaan bukan sahaja memberi penekanan kepada latihan kemahiran, malah turut menyediakan laluan pembangunan kerjaya yang selari dengan kehendak pasaran pekerjaan semasa.

Melalui program tersebut, peserta akan didedahkan kepada latihan profesional dalam bidang hospitaliti yang dirangka secara praktikal dan komprehensif bagi melahirkan tenaga kerja muda yang bersedia memasuki industri. Pendekatan ini dilihat mampu membuka ruang mobiliti sosial kepada golongan belia selain meningkatkan keyakinan diri serta daya saing mereka dalam pasaran kerja.



Program yang menyasarkan penyertaan belia berusia antara 17 hingga 25 tahun itu dijadual memulakan pengambilan pertama pada Februari 2026 dengan sasaran seramai 300 peserta bagi fasa awal pelaksanaan.

Inisiatif ini dilihat sebagai satu pelaburan jangka panjang dalam melahirkan generasi muda yang berkemahiran, berdaya tahan dan bersedia memenuhi keperluan industri, sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri dan negara secara mampan.



BAP 2026 RINGKANKAN BEBAN KELUARGA, BANTU PERSEDIAAN SEKOLAH ANAK-ANAK

Majlis penyampaian Bantuan Awal Persekolahan (BAP) Tahun 2026 bagi Negeri Selangor telah disempurnakan di SMK Meru melibatkan bantuan tunai sebanyak RM150 kepada setiap murid tanpa mengira pendapatan isi rumah.



Bagi Negeri Selangor, sejumlah RM 141,596,250 telah diperuntukkan menerusi inisiatif tersebut yang memberi manfaat kepada seramai 943,975 murid melibatkan 944 sekolah di seluruh negeri. Bantuan ini bertujuan membantu meringankan beban kewangan keluarga dalam membuat persediaan awal persekolahan anak-anak.

Dalam majlis sama, Yayasan MBI turut menyampaikan Bantuan Bencana Ribut Sekolah berjumlah RM20,000 kepada SMK Meru sebagai sokongan terhadap usaha pemulihan fasiliti sekolah yang terjejas akibat bencana ribut.

Inisiatif bantuan ini mencerminkan komitmen berterusan dalam memperkukuh sektor pendidikan serta menjaga kebajikan pelajar dan institusi sekolah, di samping memberi motivasi kepada murid untuk memulakan sesi persekolahan dengan lebih yakin, selesa dan bersemangat.



MESYUARAT PENYELARASAN PROGRAM KHIDMAT KOMUNITI SELANGOR 2026



Yayasan Selangor telah mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Program Khidmat Komuniti Selangor bagi merangka pelaksanaan program sepanjang tahun 2026 menerusi kerjasama strategik bersama Persatuan Mahasiswa Selangor, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Selangor serta Synera Dynamics Sdn Bhd.

Mesyuarat tersebut menjadi platform penyelarasan dalam memperkukuh pelaksanaan program khidmat komuniti berimpak tinggi melalui penglibatan mahasiswa, komuniti dan sektor korporat. Inisiatif itu turut bertujuan meningkatkan penglibatan aktif golongan belia dalam aktiviti kemasyarakatan dan kesukarelawanan selaras dengan agenda pembangunan sosial negeri.

Turut hadir dalam sesi mesyuarat tersebut ialah Raja Nazirin Shah bin Raja Mohamad, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Selangor, serta Muhamad Tassim Zainal bersama wakil daripada Synera Dynamics Sdn Bhd.

Yayasan Selangor merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Synera Dynamics Sdn Bhd atas komitmen dan sumbangan yang diberikan dalam menjayakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR). Kerjasama ini bukan sahaja memperkukuh usaha kebajikan, malah membuka peluang kepada mahasiswa untuk menyumbang dan berbakti kepada masyarakat.

Pelaksanaan program ini diharapkan dapat menyokong usaha Kerajaan Negeri Selangor dalam memperluas agenda pembangunan sosial melalui penglibatan aktif komuniti dan belia, sekali gus memperkukuh hubungan antara agensi, institusi dan masyarakat setempat





KERJASAMA STRATEGIK YAYASAN SELANGOR BUKA PELUANG PENDIDIKAN DAN LATIHAN

Yayasan Selangor terus memperkukuh agenda pembangunan pendidikan negeri menerusi pemeteraian empat Nota Persefahaman (MoU) strategik bersama institusi pendidikan dan rakan industri sempena Majlis Berbuka Puasa bersama guru dan komuniti pendidik Negeri Selangor yang menghimpunkan lebih 1,000 warga pendidik.



Kerjasama strategik tersebut melibatkan TYMBA, DHS Hospitality Academy, ATC College, Taleem (M) Sdn Bhd serta Al Motahida Education Group dalam usaha memperluaskan peluang pembangunan pendidikan, latihan kemahiran, pembangunan bakat dan kebolehpasaran pelajar khususnya anak Selangor. Kolaborasi ini dijangka membuka ruang pelaksanaan pelbagai program berimpak tinggi yang memberi manfaat kepada pelajar, guru dan komuniti pendidikan negeri.

Dalam majlis tersebut, turut ditegaskan komitmen berterusan Kerajaan Negeri Selangor dan Yayasan Selangor untuk memartabatkan pendidikan sebagai tunjang utama pembangunan modal insan. Peranan guru turut diiktiraf bukan sahaja sebagai penyampai ilmu, malah sebagai pembentuk sahsiah dan pencorak kepimpinan generasi masa hadapan yang berdaya saing dan berintegriti.

Majlis turut diserikan dengan tazkirah Ramadan yang disampaikan oleh Mohd Farid Ravi Abdullah, Naib Canselor Universiti Islam Selangor, yang menekankan kepentingan penghayatan Ramadan dalam membentuk jati diri dan integriti.

Penganjuran majlis ini diharap dapat memperkukuh jalinan kerjasama antara semua pihak serta mengukuhkan komitmen dalam memastikan pendidikan Negeri Selangor terus unggul demi masa depan generasi akan datang.



YAYASAN SELANGOR TERUS PRIHATIN KEBAJIKAN MURID TAJAAN DAN BEKAS KAKITANGAN



Yayasan Selangor terus memperkukuh agenda kebajikan menerusi pelaksanaan Program Santun Kasih Ramadan dan Syawal 2026 sebagai usaha menyemarakkan nilai kasih sayang, empati dan semangat berkongsi rezeki sepanjang bulan Ramadan.

Menerusi program tersebut, yayasan berpeluang menyantuni keluarga murid tajaan serta bekas kakitangan yang pernah menabur bakti sebagai tanda penghargaan dan keprihatinan berterusan terhadap kebajikan mereka. Seramai 50 keluarga disantuni Bahagian Komunikasi Korporat yang diketuai oleh Puan Norhayati Umor, turun padang ke beberapa lokasi melibatkan Sabak Bernam, Klang, Hulu Selangor serta Wilayah Persekutuan bagi menyampaikan bantuan kepada penerima yang terpilih.

Pelaksanaan program ini mencerminkan komitmen berterusan Yayasan Selangor dalam memperkasa agenda kebajikan dan tanggungjawab sosial, selaras dengan usaha memastikan kesejahteraan masyarakat terus diberi perhatian khususnya golongan yang memerlukan.





YAYASAN SELANGOR DILANTIK SEBAGAI ORGANISASI ANGKAT STRATEGIK PASUKAN BOCCIA PARA SUKMA 2026

Yayasan Selangor secara rasmi telah dilantik sebagai organisasi angkat strategik bagi Pasukan Boccia dalam persiapan menghadapi Temasya Para Sukan Malaysia XXII Selangor 2026.

Walaupun pelantikan telah disampaikan oleh Mohd Najwan Halimi, Exco Belia, Sukan dan Keusahawanan Negeri Selangor kepada wakil syarikat merangkap Ketua Bahagian Pengurusan Modal Insan, Zamzuri Ja'afar dalam satu majlis rasmi yang berlangsung baru-baru ini.

Pelantikan di bawah Kerajaan Negeri Selangor ini mengiktiraf peranan Yayasan Selangor sebagai Program Bapa Angkat kepada pasukan berkenaan, dengan fokus kepada aspek pengurusan latihan, kebajikan atlet serta sokongan pembangunan secara menyeluruh menjelang temasya tersebut.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan Yayasan Selangor dalam menyokong pembangunan sukan inklusif, di samping memperkasa potensi atlet para negeri Selangor agar mampu bersaing secara kompetitif di peringkat kebangsaan.





PROGRAM IHYA' RAMADAN BENTUK WARGA KERJA BERINTEGRITI DAN BERDAYA INSANIAH

Yayasan Selangor telah menganjurkan Program Ihya' Ramadan 1447H/2026 bermula 10 Februari hingga 18 Mac melibatkan seluruh warga kerja yayasan sebagai usaha memperkukuh pembangunan modal insan secara holistik berteraskan nilai-nilai Islam sepanjang bulan Ramadan.



Program ini turut diserikan dengan kehadiran beberapa penceramah jemputan antaranya Mohd Nazrin bin Md Jailani, Haji Airy bin Abdullah dan Mohd Nuzul Faisal bin Abdul Aziz bagi sesi Kuliah Zohor, manakala slot integriti disampaikan oleh Ustaz Izmir Fareez serta perkongsian berkaitan pewarisan harta Islam oleh Tuan Fazly Mazlan.

Penganjuran program ini diharap dapat memupuk budaya kerja yang lebih berintegriti, meningkatkan kesejahteraan rohani dan emosi serta mengeratkan ukhuwah dalam kalangan warga kerja.

Secara keseluruhannya, Program Ihya' Ramadan 1447H/2026 berjaya mewujudkan persekitaran kerja yang lebih harmoni, diberkati dan sejahtera selaras dengan aspirasi Yayasan Selangor dalam membentuk organisasi yang cemerlang dari aspek profesionalisme dan nilai insaniah. berkaitan pewarisan harta Islam.



MAJLIS JAMUAN RAYA AIDILFITRI DAN LAMBAIAN PERSARAAN KAKITANGAN BERSAMA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF 2026



Yayasan Selangor menganjurkan Majlis Jamuan Raya Aidilfitri dan Lambaian Persaraan Kakitangan bersama Ketua Pegawai Eksekutif 2026 yang melibatkan seluruh warga kerja Yayasan Selangor. Majlis ini diadakan sebagai platform mengeratkan silaturahim antara warga kerja dan pihak pengurusan dalam suasana penuh kemeriahan Aidilfitri, di samping menghargai jasa serta sumbangan kakitangan yang telah menamatkan perkhidmatan.

Majlis ini turut memberi penghormatan kepada kakitangan pesara yang diraikan, iaitu Mohamad Salleh bin Abdullah, Rusnani binti Razak, Norazah binti Asari, Mohd Azmi bin Ariffin, Norafandi bin Yaacob serta Zaleha binti Abu Bakar atas segala jasa dan dedikasi yang telah dicurahkan sepanjang tempoh perkhidmatan mereka.

Penganjuran program ini bertujuan memupuk semangat kebersamaan, memperkukuh nilai hormat-menghormati dan kekitaan, serta meningkatkan motivasi warga kerja melalui pengiktirafan dan penghargaan. Selain itu, majlis ini turut mencerminkan komitmen organisasi dalam membudayakan persekitaran kerja yang positif, harmoni dan inklusif, selaras dengan usaha memperkukuh imej korporat yang prihatin terhadap kebajikan serta kesejahteraan kakitangan.



PROGRAM SLOT PENGUKUHAN INTEGRITI: "INTEGRITI DALAM IBADAH, AMANAH DALAM TUGAS"



Pada 12 Mac 2026, Unit Integriti dengan kerjasama erat Bahagian Pengurusan Modal Insan telah menganjurkan ceramah bertajuk "Integriti Dalam Ibadah, Amanah Dalam Tugas" bertempat di Dewan Tingkat 16, Menara Yayasan Selangor.

Program ini turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Selangor, YM Raja Nazirin Shah bin Raja Mohamad. Ceramah yang disampaikan oleh penceramah jemputan, Ustaz Izmir Fareez bin Noorazalan ini bertujuan memperkukuhkan nilai integriti, amanah dan profesionalisme dalam kalangan warga kerja. Program ini turut memberi pengisian bermakna bersempena bulan Ramadan.

Secara keseluruhannya, slot pengukuhan integriti ini berjaya memberikan impak positif kepada warga kerja serta menyokong usaha Yayasan Selangor dalam membudayakan nilai integriti dan tadbir urus yang baik dalam organisasi.



RAKAN STRATEGIK



**TABUNG PENDIDIKAN
YAYASAN SELANGOR**



Yayasan Selangor mengalu-alukan sumbangan daripada orang ramai, sektor swasta dan organisasi korporat ke Tabung Pendidikan Yayasan Selangor sebagai usaha bersama memperkasa akses pendidikan berkualiti untuk murid yang memerlukan di negeri Selangor. Sumbangan yang disalurkan ke tabung ini layak mendapat pengecualian cukai di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967.




Untuk maklumat lanjut mengenai Tabung Pendidikan Yayasan Selangor, sila hubungi:

Bahagian Komunikasi Korporat
Tel : 03- 76691 1118 / 210
Emel : kke@yselangor.com



Yayasan Selangor telah ditubuhkan pada 5 November 1970 di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai sebuah Syarikat Berhad Menurut Jaminan (*Company Limited By Guarantee*) tanpa modal saham. Penubuhannya bertujuan untuk menyediakan akses kepada pendidikan berkualiti bagi rakyat negeri Selangor, khususnya golongan berpendapatan rendah yang memiliki potensi cemerlang.

Sejak penubuhannya, Yayasan Selangor kekal komited dalam memainkan peranan strategik membangunkan modal insan negeri melalui pelbagai program pendidikan inklusif dan berimpak tinggi. Menerusi pendekatan ini, Yayasan Selangor terus menjadi pemangkin utama dalam memperkasa generasi muda demi masa depan Selangor yang lebih gemilang.



**Bahagian Komunikasi Korporat
Menara Yayasan Selangor,
Tingkat 14,
No 18 A, Persiaran Barat,
46000 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan**